

UMS Pemacu Kecemerlangan Sabah
 29 Januari 2009, New Sabah Times, ms.10-11
Oleh Jakarta Dasan

{Artikel ini memenangi Hadiah Utama Anugerah Kewartawanan UMS-SJA Tahun 2009 bagi kategori Penulis UMS}

Sabah Sebagai Tumpuan Pelawat, Pelancong dan Pelajar Antarabangsa

Sabah “Negeri di Bawah Bayu” kini sudah mula popular di dunia sebagai salah satu tempat destinasi pelancongan yang terkemuka. Keindahan flora dan fauna, khazanah marin yang terpelihara dan kepelbagaiannya etnik serta lain-lain kurniaian Tuhan kepada negeri ini telah menjadikan Sabah, tumpuan utama para pelancong luar Negeri. Prasarana lapangan terbang yang baru siap dibina menjadikan Bandar Raya Kota Kinabalu khususnya sebagai salah satu gerbang masuk yang utama ke Negara ini. Kemudahan hotel dan tempat penginapan dengan kadar yang kompetitif turut mengujakan lagi daya tarikan sedia ada.

Di sebalik semua kelebihan itu, sebenarnya tersergam indah sebuah lagi ikon pelancongan yang kian menapak megah di Bandar Raya Kota Kinabalu. Universiti Malaysia Sabah atau UMS adalah ikon yang dimaksudkan. UMS adalah antara pelengkap kepada kecantikan landskap Bandar Raya Kota Kinabalu. Sejak penubuhannya pada tahun 1994, UMS telah menjadi salah satu daripada katalis kepada kepesatan pembangunan di negeri ini. Kini ianya sudah mampu menjadi ikon kecemerlangan pendidikan yang turut menyemarakkan lagi industri pelancongan negeri ini.

Hakikatnya ialah impak globalisasi sudah pun melanda. Kecemerlangan ilmu sudah mampu diperolehi walau dimana sahaja universiti tempat anda menuntut ilmu. Semuanya bergantung kepada keazaman untuk menyuntik motivasi dalam diri mahasiswa mahasiswi itu sendiri. Dalam UMS berusaha

meningkatkan kredibiliti akademiknya, ia juga sedang pesat melalui proses peningkatan prasarananya. Ini adalah selari dengan dasar dan matlamat Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, menjadikan semua IPTA di Negara ini mempunyai kualiti pendidikan yang kompetitif untuk pasaran dunia. Sesungguhnya, UMS komited menghasilkan graduan yang kompetitif dan berdaya saing yang memiliki sifat modal insan yang tulin.

UMS Kampus Antarabangsa Labuan ~ Ulangtahun ke-10

Selain kampus utamanya yang terletak di Bandar Raya Kota Kinabalu, UMS juga mempunyai kampus cawangannya di Wilayah Persekutuan Labuan. Ianya dikenali sebagai UMS Kampus Antarabangsa Labuan, atau ringkasnya UMSKAL. UMSKAL menawarkan program-program yang berteraskan perniagaan, kewangan, perbankan dan teknologi maklumat. Sejak diwujudkan pada tahun 1999, UMSKAL sudahpun mampu menonjolkan kemampuannya dan kini menjadi salah satu daya tarikan utama para pengunjung ke Pulau Labuan. Tahun ini genap 10 tahun kewujudan UMSKAL di Pulau Labuan. Selama tempoh tersebut, terlalu banyak sumbangan yang telah diberikan olehnya kepada kemajuan komuniti setempat.

Ekonomi masyarakat Pulau Labuan secara keseluruhannya menerima manfaat langsung dengan kewujudannya. Ini terbukti bila berlakunya peningkatan hasil pendapatan mereka yang berpunca dari kuasa beli UMSKAL dan warganya termasuklah mahasiswa mahasiswinya. Sesungguhnya tidak salah untuk kita katakan bahawa UMSKAL adalah sebahagian daripada pemacu kecemerlangan Pulau Labuan. Selamat ulangtahun ke-10 UMSKAL. Tahniah, kepada Prof Dr Syed Azizi Syed Wafa, Pengarah Kampus dan seluruh kakitangan UMSKAL. Teruskan dedikasi anda semua menjadikan UMSKAL sebagai pemacu kecemerlangan Pulau Labuan. Warga

UMS keseluruhannya tumpang berasa bangga.

Pusat Pendidikan Perubatan Desa UMS di Sikuati, Kudat

UMS kini mula menapak ke serata Bahagian di Sabah. Terbaru, Pusat Pendidikan Perubatan Desa UMS Sikuati telah pun dirasmikan pada 18 Januari 2009 oleh YB Menteri Pengajian Tinggi, YB Dato Seri Mohamed Khaled Nordin. Ianya bakal menjadi salah satu prasarana berorientasikan penyelidikan di samping peranan utamanya sebagai pusat khidmat perubatan kepada masyarakat di luar bandar. Penyelidikan-penyselidikan dalam bidang kesihatan masyarakat yang memberi tumpuan terhadap penyakit tropikal serta penyakit utama di negeri Sabah, akan dijalankan selaras dengan keperluan tenaga pakar dalam bidang ini.

Masyarakat dunia telah lama dide dahkan dengan era sains dan teknologi. Kedua-dua elemen ini, yakni sains dan teknologi, akan terus berkembang bagi menampung keperluan manusia yang tiada noktahnya. Demikianlah juga dengan sumbangan sains dan teknologi dalam bidang perubatan dan kesihatan. Dunia yang semakin tua pastinya memerlukan banyak perhatian daripada manusia. Dan perhatian yang perlu ditunjukkan oleh manusia ialah dengan memiliki sikap prihatin kepada usaha menjaga bumi ini agar terus subur dan selamat serta bebas dari sebarang jenis penyakit. Pembinaan Pusat Pendidikan Perubatan Desa UMS bakal menjadi pencetus kepada revolusi sains dan teknologi khususnya dalam bidang perubatan.

Pada masa yang sama, Pusat Pendidikan Perubatan Desa UMS bakal memperkasakan lagi modal insan yang bakal dihasilkan kelak. Dimana, mahasiswa mahasiswi program perubatan mampu mempelajari isu-isu kemanusiaan yang bersifat "hands-on," dengan memberikan perkhidmatan kepada

masyarakat luar bandar. Pada masa jangka panjangnya, Pusat ini akan membantu menghasilkan lebih ramai graduan kedoktoran dan tenaga pakar yang boleh mengisi keperluan doktor yang semakin meningkat.

Kampus Sekolah Pertanian Lestari UMS, Sandakan

Bulan hadapan, pada 23 Februari 2009, Majlis Pecah Tanah Kampus Sekolah Pertanian Lestari UMS pula dirancang untuk dirasmikan oleh YAB Ketua Menteri. Kampus ini akan menempatkan Sekolah Pertanian Lestari, iaitu salah satu daripada Sekolah yang akan memacu kemajuan sektor pertanian Negara amnya dan negeri Sabah khasnya. UMS komited menjayakan Pembangunan Koridor Sabah (SDC). Kampus Sekolah Pertanian Lestari UMS bakal memacu kejayaan tersebut khususnya dalam agenda memperkasakan pertanian negeri ini.

Sebagai sebuah negeri pertanian, sudah tiba masanya negeri ini melalui satu paradigma baru dalam pembangunan pertanian. Anjakan dari konsep pertanian yang tradisional perlu dilakukan sesuai dengan perkembangan penyelidikan yang saban hari berlaku di dunia. Kampus Sekolah Pertanian Lestari, bukan hanya menjadi bilik makmal yang berorientasikan akademik semata-mata, malah ianya akan melahirkan graduan tani yang hanya menunggu masa membuat kejutan dalam penyelidikan berkaitan pertanian dunia.

Kepimpinan Organisasi

Tonggak kepada kecemerlangan sesebuah organisasi ialah pemimpinnya. Manakala, kekuatan seseorang pemimpin terletak kepada sokongan dan dukungan seluruh ahli-ahli atau kakitangan organisasi itu ju. Dalam hubungan ini, UMS dibawah kemudi Naib Canselornya. Kol. Prof Datuk Dr Kamaruzaman Hj Ampon dan kerjasama padu para pegawai-pegawai utama dan ketua-ketua Jabatan, Sekolah, Pusat dan Unit bakal menyusuri pelbagai

cabaran ke arah memperteguhkan kedudukan UMS sebagai salah satu daripada ikon utama kecemerlangan ilmu di negeri ini khususnya.

Tahun 2009 dan seterusnya, semua organisasi termasuk UMS bakal berhadapan dengan beberapa cabaran termasuklah ekonomi, sosial, teknologi maklumat dan politik yang perlu ditangani dengan pendekatan yang bijaksana. Justeru, amat penting untuk mempersiapkan sesebuah organisasi itu menghadapi gelora dan bahana yang akan tiba, dalam pelbagai bentuk dan rupa. Untuk itu lima kriteria asas perlu ada pada sesebuah pelan tindakan organisasi, iaitu komprehensif, realistik, jelas, relevan dan berkembang maju.

Cabaran Globalisasi kepada Ekonomi

Pada ketika ini, cabaran globalisasi telah mula menunjukkan bahananya. Banyak negara maju di dunia yang mula menerima kesannya. Bermula dengan krisis minyak, kemudian krisis makanan dan sekarang ini krisis kewangan. Semua krisis ini bakal memberi kesan yang serius kepada kehidupan manusia jika tidak ditangani dengan bijak. Krisis minyak walaupun kian pulih, namun kita tidak mempunyai jaminan bahawa ianya tidak akan berlaku di masa hadapan. Malah mungkin akan lebih teruk lagi kesannya.

Krisis minyak ini telah membawa kepada rantai masalah yang seterusnya iaitu krisis makanan. Kenaikan harga makanan telah menghimpit kehidupan masyarakat di seluruh dunia. Sedang krisis minyak semakin pulih dan kita mula mengukuhkan stok makanan kita, kini berlaku pula krisis kewangan yang akan bertukar menjadi dahsyat jika kita tidak peka terhadap kempen penjimat dan beli barang buatan Malaysia. Jika kita leka, kesan ekonomi yang kritikal sebenarnya boleh mengakibatkan kesan yang mendalam kepada keselesaan dan keharmonian hidup manusia.

Walaupun urusan menangani krisis ekonomi ini diletakkan di bahu para pemimpin, tetapi jika ianya mendapat perhatian daripada setiap individu, maka krisis ini akan dapat diatasi atau dielakkan. Dalam hubungan ini, maka kita perlu fokus kepada usaha menangani krisis secara bijak dan pastinya setiap kita mempunyai peranan masing-masing. Sebaik-baik panduan ialah dengan mengikut saranan atau nasihat daripada kepimpinan negara kita yang telah meneliti perkara-perkara yang berlaku dan mempunyai pendekatan ala-Malaysia yang dapat memelihara kesejahteraan hidup rakyat negara kita.

Cabaran Politik Dunia

Walaupun suasana global begitu menekan negara-negara kecil yang membangun seperti Malaysia, akan tetapi kita mempunyai kekuatannya yang tersendiri yang tidak mudah diperlekeh mahu pun diperdaya. Semuanya ini adalah kerana asas kepada penubuhan sebuah negara merdeka adalah berkat daripada kesatuan dan kesepaduan bapa-bapa kemerdekaan yang membebaskan negara dari belenggu penjajahan. Kesepaduan kaum dan etnik di negara ini sepertimana yang diperlihatkan oleh negeri Sabah khususnya merupakan kunci kepada kejayaan Malaysia. Kita perlu rasa bangga mengenainya dan dengan penuh komitmen, malah dengan segenap jiwa dan raga mempertahankannya.

Senario politik dunia benar-benar sudah berubah. Penindasan dan kekejaman zionis di "waktu siang hari" di Palestin perlu kita jadikan iktibar betapa pentingnya hidup bersatu padu dan saling hormat menghormati hak orang lain selain mempertahankan hak kita yang sebenarnya. Penerimaan kaum kulit putih di Amerika Syarikat ke atas seorang kulit hitam untuk menjadi Presidennya setelah 43 Presiden yang terdahulu adalah presiden kulit putih, merupakan satu permulaan menarik untuk kehidupan manusia di abad seterusnya.

Peranan Universiti Dalam Menangani Cabaran

Cabaran Teknologi Maklumat

Kecanggihan teknologi, khususnya internet telah menyebabkan berita dan peristiwa dapat diikuti perkembangannya walaupun dibatasi oleh jarak. Segala yang berlaku yang hanya diketahui atau diperhatikan melalui internet atau yang popular di masa ini iaitu laman blog, tidak semestinya kita percayai secara bulat-bulat. Kita kena sedar bahawa salah satu daripada punca blog itu diwujudkan adalah disebabkan daripada pendapat individu-individu tertentu dalam kumpulan yang kecil sahaja. Kadangkala luahan atau cerita yang mereka siarkan itu lebih menjurus kepada apa yang mereka fikirkan tanpa menyedari impaknya kepada hampir lebih 20 juta penduduk negara kita. Justeru, kita wajar berhati-hati menganalisis setiap idea atau pendapat yang disebarluaskan itu. Ibarat pepatah "kerana nila setitik, habis rosak susu sebelanga."

Cabaran Sosial

Malaysia adalah satu-satunya negara di dunia yang terbina atas pakatan kesepadan rakyatnya yang berbilang bangsa dari tiga kaum utama iaitu kaum melayu/bumiputera, kaum cina dan kaum india. Setelah 51 tahun merdeka, keharmonian dan kesejahteraan hidup rakyat masih kukuh terpelihara. Justeru itu, apabila berlaku suatu perkara yang bakal menjadi duri dalam daging kepada keamanan yang dikehendaki, maka kepimpinan akan segera berusaha menangani dengan sebaik mungkin.

Ibarat sebuah keluarga yang sudah lama dibina, tidak mungkin kepimpinan tidak peka dan prihatin kepada sebarang masalah yang menjadi punca kepada perasaan ketidakpuasan hati yang berlaku. Isu-isu berbaur perkauman adalah amat berbahaya kerana ianya begitu mudah dimanipulasi oleh pihak-pihak yang mempunyai matlamat jahat.

Segala cabaran yang disebutkan itu adalah beberapa perkara yang turut diperjelaskan kepada mahasiswa agar mereka faham dengan keadaan persekitaran dunia yang sebenarnya. Secara langsung akan mengelakkan mereka daripada mengalami konflik yang boleh terjadi pada setiap peredaran masa. Untuk menjadikan mereka modal insan yang bistari, dan teguh jati dirinya sebagai anak Malaysia yang tidak mudah lupa kepada bangsa dan negaranya, maka mentaliti sayangkan bangsa dan negara perlu dipelihara dengan sentiasa fokus kepada pengajian mereka yang bersandarkan ilmu dan fakta.

Seluruh warga UMS wajar berasa bangga kerana selepas 14 tahun penubuhannya, kampus UMS sudah pun mampu berada di serata tempat khususnya di kawasan luar bandar di negeri Sabah. 14 tahun adalah suatu usia yang masih muda jika dibandingkan dengan universiti-universiti ternama lainnya, sama ada di dalam mahu pun di luar Negara, yang mana kebanyakannya telah pun berusia puluhan malah ratusan tahun usianya. Dalam ucapan perasmian pembukaan Majlis Konvokesyen UMS ke-10 tahun lalu, Yang Amat Berbahagia Tun Datuk Seri Panglima Hj Ahmadshah Bin Abdullah, Tuan Yang Terutama Yang DiPertua Negeri yang juga merupakan Tun Canselor UMS berkata, “ “Sebagai universiti yang masih muda, janganlah pula kita beralih kepada faktor usia. Ini adalah kerana masih banyak sumber kajian yang boleh diteroka oleh universiti ini melalui jalinan hubungan pintar dengan para pengkaji dari universiti tersohor di dunia. Pada masa yang sama, jangan pula kita leka hingga terlalu asyik mengekalkan kecemerlangan sedia ada. Universiti yang maju adalah universiti yang hidup, yakni sentiasa makmur dengan penyelidikan-penyeleidikan yang memberi manfaat kepada kehidupan manusia sejagat.”

Dalam hubungan ini, UMS akan bersandarkan kepada kekuatannya yang tersendiri yang mungkin tidak terdapat pada universiti-universiti lain di Malaysia, mahu pun di peringkat antarabangsa. Walaupun UMS masih berteraskan kepada penawaran kursus yang bersifat komprehensif, UMS juga gigih memperkasakan penyelidikannya. Sumber alam, khususnya yang terdapat di negeri Sabah ini, masih terpelihara dengan baik dan pastinya menjadi renyah yang berguna untuk dilibatkan dalam bidang penyelidikan bagi kebaikan dan manfaat manusia sejagat.

Aspek berkaitan penyediaan prasarana yang mesra penyelidikan bakal melengkapkan lagi komitmen UMS. Selain itu, peningkatan kualiti dalam aspek penyelidikan yang melibatkan pensyarah dan penuntut perlu dimantapkan. Dengan kewujudan pelbagai Pusat Kecemerlangan di UMS, usaha untuk menjadikan UMS sebagai pusat penyelidikan tersohor di dunia akan dapat dicapai dalam tempoh yang singkat.

Langkah Memacu Kecemerlangan

Setiap manusia mempunyai gaya dan cara yang tersendiri untuk melakukan sesuatu tindakan. Malah budaya atau 'culture' turut menyebabkan timbulnya kelainan dalam tindakan. Semuanya berpunca daripada cara berfikir yang berbeza. Akan tetapi jika kita berpusat kepada fikiran yang sama, kita mampu menyatukan tindakan. Dalam ertikata yang lain, jika kita berkongsi dasar atau pegangan yang sama, kita boleh menghasilkan kejayaan yang lebih besar dan lebih bermakna.

Dibawah kepimpinan Yang Berbahagia Kol. Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Hj Ampon, warga UMS diajak untuk merealisasikan motto universiti "Bertekad Cemerlang" dengan memacu kecemerlangan pada setiap tugas dan tanggungjawab yang diberikan. "Jawatan kita bukan milik kita selama-lamanya. Sampai waktu, kita akan bersara

atau digantikan dengan orang lain. Oleh itu kita wajar mengamanatkan kepada kakitangan kita untuk bersedia meneruskan usaha memacu kecemerlangan." Kol. Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Hj Ampon, Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah. Universiti yang kini terpahat sebagai ikon kecemerlangan ilmu di negeri Sabah.